

Akui kelemahan diri

Oleh Wan Hamid, Hamid, Zamzam Omar,
Mohd Shah Abdullah, Ahmad Shauqi dan
Salbiah Ani

KUALA LUMPUR, Jumat — Peniaga Bumiputera harus mampu bersaing dalam bidang perusahaan dan perniagaan tanpa sebarang perlindungan dalam pasaran biasa, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, katanya, sebelum matlamat itu dapat dicapai, mereka perlu mengenali dan mengakui mereka mempunyai kelemahan yang perlu diatasi terlebih dulu.

Masalah utama yang nerlu diatasi ialah sikap kurang meyakini Bumiputera boleh berjaya tanpa keistimewaan tertentu yang disediakan kerajaan, katanya ketika merasmikan Kongres Ekonomi Bumiputera Ke-3, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

“Tuhan tidak menjadikan Bumiputera kurang sempurna daripada manusia lain. Mereka sempurna dan berwibawa. Kelemahan dan kegagalan mereka disebabkan sikap dan pendekatan sendiri. Inilah penyakit yang memerlukan pengakuan mereka.

lalu yakin dia ‘terkena’ dan ‘dibuat’.

Bagaimanapun, beliau kesal dengan sikap sesengah orang Melayu yang sanggup mengetepikan kepentingan kaum sendiri kerana inginkan tempat tertentu bagi diri sendiri.

Di samping itu, katanya, ada pula jenis Melayu yang memandang ringan apa yang ditafsirkan sebagai kejayaan di dunia dan sanggup melemahkan diri sendiri dan kaum Melayu kononnya demi kepentingan perjuangan keislaman mereka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan boleh terus dipersalahkan atau dimintagiat dan lebih banyak berusaha untuk membantu Bumiputera.

“Tetapi dapatkah kita meyakinkan diri bahawa masalah kegagalan Bumiputera boleh diatasi ha-& melalui tindakan kerajaan? Tidakkah ada apa-apa yang boleh dan patut dibuat oleh Bumiputera sendiri? Tidakkah ada apa-apa kelemahan di sisi Bumiputera sendiri yang menyebabkan mereka tidak dapat menggu-

“Selagi mereka tidak sanggup mengenal pasti dan mengakui penyakit ini, selama itulah ubat yang tidak tepat akan digunakan atau bukan penyakit sebenar yang diubati tetapi simptomnya saja,” katanya.

Beliau menegaskan pentingnya Bumiputera mengakui kelemahan sendiri dan berusaha mengatasinya kerana perlindungan politik yang ada sekarang tidak akan kekal.

Datuk Seri Dr Mahathir memberi contoh bagaimana seseorang yang menghidap penyakit jantung tidak akan dapat sembuh jika hanya diubati bomoh dengan jampi kerana ter-

nakan segala yang diperuntukkan kepada mereka?”

Katanya, antara sikap yang harus dikikis oleh Bumiputera ialah untuk cepat kaya tanpa risiko dan sikap ini berleluasa kerana mereka sanggup merelakan kaum lain menggunakan nama mereka dalam pembelian saham yang dikhaskan untuk mereka atau mendapatkan lesen dan permit.

Jika sikan itu berterusan, kejahilan Bumiputera dalam pengurusan perniagaan akan kekal, katanya.